


# MALAYSIA BERSAMAMU

KUALA  
LUMPUR  
2017  
SUKAN SEA KE-29  
SUKAN PARA ASEAN KE-9



# Wushu samai pencapaian gemilang 2001

• Jumlah keseluruhan kutipan pingat edisi ini lebih baik



Info

## Senarai pemenang pingat wushu

### → Emas

Yeap Wai Kin (jianshu lelaki dan qiangshu lelaki); Loh Jack Chang (taijijian dan taijiquan lelaki); Diana Bong (nanquan wanita) dan Ho Mun Hua (nanquan lelaki)

### → Perak

Phooy E Yin (jianshu dan qianshu wanita); Song Weng Son (jianshu dan qiangshu lelaki); Loh Ying Ting (gunshu wanita)

### → Gangsa

Khaw Jun Lim (daoshu-gunshu lelaki); Audrey Chan Yee Jo (taijijian wanita) dan Mun Hua (nandao-nangun lelaki)

Oleh Syafiq Aznan  
syafiq.aznan@bh.com.my

### Kuala Lumpur

**S**kuad wushu negara menuju kempen dengan penuh kebanggaan apabila meneati sasaran merangkul enam pingat emas sekali gus menyamai pencapaian terbaik di Sukan SEA Kuala Lumpur 2001.

Malah, pencapaian pada temasya kali ini boleh dianggap lebih baik

berbanding 16 tahun lalu daripada segi jumlah keseluruhan kutipan pingat apabila Malaysia berjaya meraih lima perak dan tiga gangsa berbanding dua perak dan lima gangsa yang dimenangi pada temasya 2001.

Selain itu, pencapaian pada edisi kali ini turut memperbaiki catatan yang diraih pada temasya di Singapura dua tahun lalu yang menyaksikan Malaysia sekadar membawa pulang dua emas, tiga perak dan empat gangsa.

Jurulatih skuad wushu negara,

Lim Yew Fai mengakui bukan sahaja mereka berjaya menepati sasaran yang ditetapkan namun dia turut gembira dengan prestasi yang ditunjukkan oleh anak buahnya sepanjang mengharungi temasya dwitahunan itu.

### Serta merta hilang

“Saya gembira melihat hampir keseluruhan atlet melakukan rutin mereka de-

ngan sempurna. Mereka menyempurnakannya mengikut apa yang saya mahukan.

“Bagi saya, saya mahukan mereka menikmati persembahan yang mereka lakukan kerana bukan sahaja keputusan yang penting, tetapi kepuasan melakukan rutin wushu itu adalah jauh lebih menggembirakan,” katanya ketika ditemui pemberita di Pusat Konvensyen



Kuala Lumpur (KLCC), semalam.

Pengurus pasukan, Ho Ro Bin pula menyatakan segala tekanan yang dihadapi serta-merta hilang apabila Jack Chang menghantarkan emas keenam untuk skuad wushu meneati sasaran yang ditetapkan, semalam.

“Selepas meraih enam emas, saya rasa kita semua boleh bertenang dan jika kita berjaya menambah pingat dalam tiga lagi acara, itu adalah bonus buat kita,” katanya.